

19/05/1997

Media digesa usah bangkit isu perkauman

KAMPUNG GAJAH, Ahad - Media perlu bertanggungjawab dan positif dalam laporannya tanpa memaparkan isu perkauman yang boleh mendatangkan konflik kaum di negara ini, terutama ketika pilihan raya umum atau kecil.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berkata laporan media yang negatif terhadap sesuatu perkara ketika pilihan raya umum atau kecil juga boleh membangkitkan perasaan perkauman.

Menurutnya, sebuah akhbar berbahasa Cina yang memutarbelitkan kenyataan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik ketika kempen pilihan raya kecil Parlimen Teluk Intan, adalah contoh laporan tidak tepat yang boleh membangkitkan perasaan rakyat.

Laporan akhbar itu pada 13 Mei lalu memetik Dr Lim sebagai berkata Barisan Nasional (BN) tidak memerlukan undi Cina.

"Ini menunjukkan niat jahat penulis serta tidak bertanggungjawab, seolah-olah ingin membarakan perasaan rakyat.

"Sepatutnya akhbar memainkan tugas positif dan tidak membarakan perasaan perkauman. Tragedi 13 Mei 1969 adalah sejarah hitam dan kita tidak mahu orang mengingati peristiwa itu.

"Saya sudah memanggil pengarang akhbar berkenaan supaya meminta maaf dan memberi amaran keras terhadapnya, termasuk menarik balik permit penerbitan (KDN)," katanya kepada pemberita di sini, petang ini.

Beliau mengulas mengenai kekalahan BN kepada DAP dalam pilihan raya kecil parlimen Teluk Intan, semalam. Dalam pilihan raya itu, calon BN, Dr Chee See Choke tewas kepada calon DAP, M Kulasegaran.

Megat Junid berkata, kekalahan BN dalam pilihan raya kecil itu juga seharusnya menjadi iktibar kepada semua pihak, terutama wakil rakyat supaya lebih prihatin terhadap masalah rakyat termasuk dari segi agama dan kemudahan asas.

Katanya, mereka seharusnya prihatin seperti ditegaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa semua ahli politik dan pegawai kerajaan adalah fasilitator dasar kerajaan.

"Tugas mereka bukannya menyusahkan rakyat, sebaliknya memudahkan tugas rakyat. Ini bukan zaman penjajah lagi. Kini rakyat sudah berubah tidak seperti 20 tahun dulu. Jika rakyat tidak puas hati, mereka boleh berkuasa balik," katanya.

Megat Junid juga berkata, ketika penamaan calon lalu, pihak berkuasa mendapat maklum balas bahawa pilihan raya kecil itu menjadi pentas sesetengah pihak untuk melahirkan kekecewaan masing-masing.

"Peratusan orang Melayu dan India yang keluar mengundi juga terlalu rendah. Mereka seolah-olah melahirkan kekecewaan masing-masing.

"Kampung Bahagia, Teluk Intan, misalnya agak sunyi ketika pilihan raya kecil itu dan begitu juga beberapa kawasan lain," katanya.

Beliau berkata, ini menunjukkan orang Melayu masih tidak puas hati masalah mereka tidak pernah selesai sejak 20 tahun lalu.

(END)